

03/04/2000

Koperasi Penulis Utara terbit biografi Dr Mahathir

Zahidi Zainol Rashid

KOPERASI Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad yang didaftarkan pada tahun 1986 berjaya melahirkan sebuah buku biografi Dr Mahathir bertajuk Mahathir Di Mata Umum sempena 15 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia. Pihak koperasi mendapatkan iklan dari syarikat tertentu membiayai penerbitannya.

Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia adalah koperasi tunggal seumpamanya di Malaysia yang dianggotai penulis dan juga peminat sastera.

Koperasi ini ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan ekonomi penulis dan kini dianggotai oleh 211 ahli. Unit KP Kreatif dan Perunding mula beroperasi pada bulan Disember 1990 di No 135, Kompleks Alor Star yang juga menjadi pejabat rasmi Koperasi Serbaguna Penulis. Urusniaga KP Kreatif dan Perunding antara lain menyediakan perkhidmatan pracetak, fotostat, jilid dan perunding percetakan.

Pada awal tahun 1988 Kerajaan Kedah menawarkan kepada koperasi menyelenggarakan penerbitan Warta Darul Aman. Mohd Noor Salleh, Pengerusi pertama Koperasi Penulis menandatangani satu perjanjian antara Koperasi Penulis dengan Kerajaan Kedah.

Penerbitan pertama Warta Darul Aman bermula pada bulan Ogos 1988. Sehingga kini koperasi masih lagi diberi kepercayaan oleh kerajaan bagi menyelenggarakan penerbitan Warta Darul Aman. Jumlah cetakan Warta Darul Aman kini adalah sebanyak 10,000 nashkah.

Pada tahun 1989 koperasi ditugaskan oleh kerajaan menerbitkan buku ADUN Kita '86. Seterusnya pada 13 Disember 1994 buku Pemimpin Kita '90 yang diusahakan oleh pihak koperasi telah dilancarkan oleh Menteri Besar Kedah. Buku Demi Martabat Bangsa adalah sebuah buku yang diusahakan oleh koperasi yang diterbitkan sempena ulang tahun ke-50 penubuhan Umno.

Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad telah berjaya menerbitkan buku Mahathir Di Mata Umum sempena 15 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1986. Buku ini diterbitkan bagi mengenang jasa kepemimpinan Dr Mahathir. Buku ini memuatkan catatan biografi Perdana Menteri sejak dilahirkan, keluarga, zaman persekolahan, zaman Jepun, ketika di Universiti Malaya (Singapura) dan kerjaya beliau sebagai seorang doktor.

Agak menarik buku ini ialah pendekatan sejarah lisan dalam mengimbas kembali kenangan silam Perdana Menteri.

Anakdot menarik dirakam kembali melalui catatan dan rakaman temubual dengan kakak dan abang beliau dan juga rakan persekolahan di Kolej Sultan Abdul Hamid serta ketika di Universiti Malaya (Singapura). Tidak ketinggalan guru pada zaman persekolahan turut mengimbas kenangan dan menceritakan bakat awal dan keintelektualan beliau.

Dr Mahathir juga turut terbabit dalam Kesatuan Pemuda Melayu Kedah, Kesatuan Melayu Kedah, Saberkas dan Umno.

Buku ini mencatatkan temuramah dan kisah menarik serta suka duka yang didapati dari teman seperjuangan.

Kegiatan awal beliau dalam politik bermula sebagai Ahli Parlimen Alor Star Selatan pada tahun 1964. Suka duka pilihan raya 1969 dan pengasingan Dr Mahathir ketika dipecat dari Umno. Penyertaan beliau dalam Kabinet ketika ditawarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pelajaran. Terpilihnya Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Allahyarham Tun Hussein Onn.

Dr Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia dan perkembangan

serta kemajuan yang dicapai selama 17 tahun lebih menerajui kepemimpinan negara. Kepetahan dan kelantangan menyuarakan kepada dunia dan pengiktirafan yang diterima pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Tujuan buku ini ditulis ialah supaya rakyat Malaysia boleh mengasihi pemimpin mereka dengan lebih dekat apabila mengetahui sejarah latar belakang kehidupannya.

Tidak banyak buku yang ditulis menghurai sudut keperibadian Dr Mahathir yang selama ini tidak diketahui umum misalnya pada zaman kanak-kanak dan latar belakang keluarganya, pembentukan sikap dan pandangan politiknya sebelum menceburi bidang itu, pengalaman persekolahannya dan kehidupannya sebagai siswa di Singapura dan ciri-ciri sebagai suami, bapa dan sebagainya.

Biografi ini menonjolkan zaman remajanya secara meluas dan terbuka supaya lebih ramai generasi muda mengenali sejarah pemimpin negara.

Buku ini penting untuk tatapan generasi sekarang dan generasi akan datang sebagai sebuah karya yang dapat mengabadikan diri sebagai pemimpin terkemuka abad ini. Ia dapat memberi pendedahan kepada pelajar mengetahui sejarah pemimpin negara yang disegani pada peringkat antarabangsa.

Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, pembangunan dan kemajuan sangatlah ketara. Dengan wawasan dan gagasan beliau dapat merealisasikan idea dan rancangan dengan tindakan yang serta merta. Oleh itu sesuatu keputusan itu dapat dilaksanakan dengan cepat. Dr Mahathir berjaya merealisasikan perkara yang belum difikir dan dibayangkan oleh rakyat Malaysia.

Nazril Mohd Zain selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi Penulis menyampaikan buku Mahathir Di Mata Umum di majlis perayaan kemenangan Umno di Dewan Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) pada 5 November 2000. Seramai 3,000 hadir pada majlis tersebut.

Dalam majlis itu kata Nazril, Dr Mahathir agak terkejut, apabila juruacara mengumumkan ada seorang penulis Kedah berjaya menghasilkan sebuah buku mengenai Dr Mahathir. Buku berbentuk coffetable setebal 200 halaman itu dengan ratusan gambar foto amat menarik untuk ditatap.

Menurut Nazril lagi, buku itu selain diedarkan kepada syarikat yang menjadi penajanya, juga perpustakaan di seluruh Malaysia; mereka yang berminat untuk mendapatkannya boleh berhubung dengan pejabat Koperasi Penulis Utara Malaysia Berhad di talian 04-7338920.

(END)